

16/05/2005

MAHATHIR-ISLAM

GUNA PERBANKAN ISLAM UTK ELAK JADI HAMBА-HUTANG, KATA MAHATHIR

Oleh: Shakir Husain

DUBAI, 16 Mei (Bernama) -- Negara-negara Islam mestilah membangunkan institusi-institusi perbankan Islam untuk mewujudkan sumber-sumber pembiayaan yang bukan riba, bekas perdana menteri Malaysia, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata.

Negara-negara yang meminjam daripada bank-bank dan institusi-institusi asing yang mengamalkan faedah yang tidak wajar seperti Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia menghadapi risiko menjadi "semacam hamba-hutang kepada peminjam-peminjam", beliau memberitahu satu persidangan kewangan Islami di sini Ahad.

Dr Mahathir berkata kerajaan-kerajaan patut terlebih dahulu melihat kepada sumber-sumber tanpa riba (bebas faedah) dalam pencarian mereka untuk pembiayaan projek.

"Tiada sebab kenapa umat Islam dan negara-negara Islam tidak boleh mendapat kemudahan kepada pembiayaan Islam untuk apa juga keperluan. Kemahiran di dalam pengurusan perbankan Islam telahpun dimajukan," kata beliau.

Katanya sekarang negara-negara Islam perlu keazaman politik untuk membangunkan institusi-institusi kewangan Islam mereka.

"Cara-cara dan sistemnya telah ada. Kitalah yang memutuskan sama ada kita patut mengguna pakai kekayaan kita mengikut agama kita atau tidak," kata Dr Mahathir.

Beliau menyeru negara-negara Islam yang kaya supaya "menganggapnya tugas mereka mengadakan kemudahan-kemudahan perbankan Islam bagi menyelamatkan umat Islam daripada sebarang bentuk perhambaan-hutang."

Dr Mahathir berkata beliau tidak akan "membuat penghakiman kepada sesiapa jika kemudahan-kemudahan seumpama itu tidak didapati di negara-negara Islam."

Para pakar kewangan Islam menegaskan bahawa banyak negara Islam masih tidak bersedia untuk mewujudkan rangka kerja perundangan bagi sektor itu, yang sedang berkembang popularitinya di kalangan penduduk dan telah menyaksikan pertumbuhan yang ajaib.

"Hari ini perbankan Islam telah memajukan instrumen-instrumen baru untuk bersaing dengan perbankan riba dan mengadakan alternatif-alternatif yang lebih baik. Hasilnya perbankan Islam telah membangunkan instrumen-instrumen baru untuk bersaing dengan perbankan riba dan mengadakan alternatif-alternatif yang lebih baik. Hasilnya perbankan Islam telah menjadi lebih menarik," kata Dr Mahathir.

Beliau mengingatkan bahawa "meminjam melebihi keupayaan kita untuk membayar balik boleh mengakibatkan kita menjadi hamba hutang kepada negara-negara lain."

Sesetengah negara berhutang yang miskin menghabiskan sehingga 85 peratus daripada hasil kerajaan untuk membayar balik pinjaman-pinjaman, dan bagi menjamin pembayaran balik agensi-agensi antarabangsa seperti IMF akan "secara literal mengambil alih pengurusan ekonomi negara itu," bekas perdana menteri itu memberitahu persidangan itu.

Menegur hutang asing AS yang besar, Dr Mahathir berkata jika sesebuah negara itu kuat, maka ia boleh "terus membelanjakan wang dipinjam" tanpa bimbang mengenai kemungkinan pembayaran hutang.

"Kamu tidak perlu membayar kerana pemiutang-pemiutang kamu tidak berani menjadikan kami muflis. AS tidak bermasalah walaupun berhutang kepada dunia AS\$8 trilion. Jika ia menjadi muflis, ia dan pemiutang-pemiutang akan

kehilangan wang mereka."

Katanya pemiutang-pemiutang telah kehilangan sepertiga daripada wang yang dipinjamkan oleh AS kepada mereka kerana nilai dolar sedang jatuh.

-- BERNAMA

SKH MKO KTC OS